

## **Penglibatan Masyarakat Malaysia di Media Sosial (*Instagram*). Kajian Kes: Kejadian Tembakan di Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand**

NURUL JAMILAH ISMAIL RANI  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
jamilah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat penglibatan media sosial masyarakat Malaysia dalam sesuatu isu yang tular. Kewujudan internet dan media sosial mempengaruhi tahap keperluan seseorang individu untuk mendapatkan maklumat dengan lebih pantas serta berkongsi dengan individu yang lain. Media sosial juga telah menjadi satu medium utama dalam berkongsi rasa dan emosi dalam kalangan masyarakat dari negara dan latar belakang yang berbeza. Pelbagai kejadian dan tragedi yang tular di media sosial sudah pasti mendapat perhatian dari masyarakat dan dikongsi setiap masa. Perkongsian di media sosial adalah lebih pantas dan pelbagai jika dibandingkan dengan media utama iaitu televisyen dan surat khabar. Antara kejadian atau tragedi yang tular dalam kalangan masyarakat baru-baru ini adalah kejadian tembak menembak di New Zealand yang bukan sahaja telah menyentuh isu kemanusiaan namun melibatkan isu keagamaan yang sentiasa menjadi topik utama perbualan dunia. Oleh sebab aplikasi *Instagram* adalah media sosial yang mudah, pantas lengkap dengan perkongsian gambar dan video serta mudah dikendalikan, maka *Instagram* dipilih sebagai media sosial utama untuk kajian ini. Kaedah kajian ini dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan, iaitu kajian memfokuskan media sosial *Instagram* sebagai medium utama perkongsian maklumat dan pusat perbincangan tentang sesuatu isu. Kajian ini memfokuskan kepada kekerapan perkongsian maklumat dan bentuk perbincangan serta respon masyarakat terhadap isu ini.

*Kata Kunci: Media Sosial, Instagram, Penyertaan*

### **PENGENALAN**

Media sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam institusi sosial dan masyarakat, ia bukan sahaja sebagai medium perkongsian aktiviti malah media sosial juga menjadi salah satu medium pencarian maklumat oleh pelbagai peringkat umur masyarakat. Wujud pelbagai kategori perkongsian maklumat melalui media sosial seperti gaya atau cara hidup, makanan, perniagaan, dakwah, kesihatan, politik dan fesyen. Media sosial bukan sahaja menjadi keperluan kepada remaja masa kini malahan dalam sesetengah kelompok masyarakat atau komuniti media sosial perlu bagi menunjukkan penglibatan dan sokongan terhadap sesuatu kumpulan. Berdasarkan Teori Kesempurnaan Media, kehadiran sosial adalah apabila ahli menunjukkan sokongan dan penglibatan dalam bentuk memberi maklum balas dan respon di media sosial (Effing, Hillergersbeg, & Huibers, 2013).

Perkembangan media sosial memberi kesan kurang elok kepada warisan budaya di negara ini, banyak contoh dapat kita lihat apabila rakyat lebih mudah mempercayai maklumat yang dipaparkan dalam media sosial tanpa menyelidik kesahihan maklumat tersebut terlebih dahulu. Di sebalik kehebatan dunia Internet tanpa sempadan ini, kita berdepan dengan

cabaran media sosial yang menjadi platform utama dan paling mudah dalam mempengaruhi pemikiran rakyat (Jailani Johari, 2017). Namun begitu objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan positif yang wujud akibat dari penggunaan media sosial yang turut memberi impak kepada aspek budaya dan agama di Malaysia.

Menurut Sohana Abdul Hamid (2016), penglibatan di media sosial akan menyebabkan masyarakat bersikap lebih peka terhadap isu-isu semasa. Hal ini kerana, apabila adanya interaksi dua hala antara warga net di Malaysia ataupun dari luar negara, kita dapat melihat sudut pandangan yang berbeza dari aspek budaya serta agama. Pertukaran idea dan pendapat ini mampu mendorong masyarakat untuk sentiasa bersangka baik dan menyebarkan maklumat yang lebih berfaedah kepada banyak pihak.

Selain itu menurut Laporan Digital oleh Hootsuite & We Are Sosial (2019) daripada 7.676 bilion populasi manusia, 45% daripadanya adalah pengguna media sosial yang aktif. Daripada jumlah tersebut, pengkaji ingin melihat sejauhmana penglibatan masyarakat Malaysia dalam memberi maklum balas terhadap maklumat-maklumat kemanusiaan dan kemasyarakatan sekaligus melihat kesan positif yang wujud akibat daripada penggunaan media sosial yang turut memberi impak kepada aspek budaya dan agama di Malaysia.

Bersesuaian dengan objektif kajian, pengkaji telah memilih kejadian tembakan di Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand, bagi melihat sejauh mana penglibatan responden terhadap penyebaran maklumat kemanusiaan dan kemasyarakatan. Pada 15 Mac 2019, sebuah masjid di Christchurch, New Zealand telah diserang oleh seorang lelaki bersenjata, sehingga mengakibatkan 51 orang terbunuh termasuklah seorang daripadanya rakyat Malaysia. Kejadian ini mendapat perhatian ramai pihak dan mendapat maklum balas yang pelbagai dari masyarakat Malaysia, apatah lagi ia melibatkan agama Islam. Kaitan agama, budaya dan masyarakat menjadi elemen utama kenapa tragedi menjadi perbualan ramai dan menyentuh emosi rakyat Malaysia.

## **KAJIAN LEPAS**

Perlakuan pengguna Internet di Malaysia asasnya adalah dirangsang oleh kemahuan sosial. Tinjauan ini merumuskan bahawa pengguna Malaysia adalah lebih cenderung menggunakan Internet untuk kegiatan-kegiatan riadah yang menggabungkan ciri-ciri perangkaan seperti pesanan, *Facebook* dan penyertaan dalam forum-forum informal. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati media sosial menjadi sumber maklumat utama bagi 86.9% pengguna Internet Malaysia berbanding dengan portal berita yang digunakan oleh 65.5% pengguna (2016). Kepesatan untuk penyebaran informasi ini menyebabkan sesuatu berita yang ditularkan amat pantas dan dicernakan dalam pemikiran masyarakat. Baik dan buruknya penggunaan media sosial ini telah dapat dirasai oleh kebanyakan penduduk dunia terutamanya di bidang politik dengan mengambil contoh kejadian Arab Spring dan di Ukraine yang digelar Revolusi Jingga. Di Malaysia juga sejak Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-12 hingga PRU-14, media sosial makin memainkan peranan besar termasuk memacu perniagaan atas talian. (Utusan Online, 2018)

Penggunaan media sosial secara meluas dilihat tidak memberi sebarang impak kepada sesetengah pihak, ini kerana mereka beranggapan bahawa apa-apa yang ada di media sosial tidak mendapat respon daripada orang ramai atau sekadar diari peribadi mereka sahaja. Namun jika maklumat yang dikongsi adalah melibatkan isu semasa dan isu kemasyarakatan, ia akan mendapat perhatian dari orang ramai dalam jangka masa yang singkat. Walaupun terdapat banyak isu yang tular di media sosial, terdapat banyak juga keraguan kerana orang sering menilai berdasarkan kehadiran atau kekurangan reaksi awam segera. Untuk menilai keberkesanan media sosial peribadi atau profesional, pertimbangan adalah berdasarkan kesan

kolektif penyertaan pengguna media sosial, bukan sekadar tindakan individu (Lee Odden, 2012).

Menurut kajian oleh Mohd Hamdan (2017), 38% responden menyatakan bahawa Internet berperanan penting dalam menjalankan tugas rasmi mereka, khususnya dari segi penyebaran maklumat. Seramai 35% responden pula mengakui bahawa Internet mampu mendapatkan mereka maklumat-maklumat yang berkaitan dengan urusan rasmi mereka dan ia turut meningkatkan pengetahuan umum mereka yang termasuk apa-apa yang berlaku di dalam dan luar negara. Seterusnya, baki 27% responden menyatakan bahawa Internet, istimewanya media sosial sangat berguna bukan sahaja untuk tugas rasmi atau maklumat berkaitan tetapi juga bagi pergaulan sosial, hiburan, membeli produk dan perkhidmatan serta menjana pendapatan.

Jumlah jam yang terbanyak yang digunakan oleh penjawat awam Sabah untuk mengguna media massa ialah di antara satu ke dua jam sehari seperti yang nyatakan oleh 36.2% responden. Ini dituruti oleh tempoh lebih daripada tiga jam sehari yang diakui oleh 32.1% responden. Yang menyebut di antara dua ke tiga jam ialah seramai 20.6% responden dan bakinya seramai 11.10% mengakui mereka mendedahkan diri kepada media kurang daripada sejam sehari. Kajian ini turut mendapati bahawa penjawat awam berpangkat tinggi lebih suka mendedahkan diri kepada media massa untuk mengetahui tentang hal ehwal awam.

Di Malaysia, seramai 78% dari jumlah populasi Malaysia iaitu 25 juta orang adalah pengguna media sosial yang aktif, hampir ke semua rakyat Malaysia menggunakan media sosial. Sehari penggunaan media adalah hampir 8 jam sehari, daripada 8 jam tersebut hampir 3 jam adalah masa yang digunakan untuk melayan media sosial. (Hootsuite & We Are Social, 2019). *Facebook* dan *Instagram* mencatat 91% penggunaan dalam kalangan masyarakat Malaysia sepanjang tahun 2018.

Pengguna media sosial juga saling berhubungan dan berkongsi segala maklumat yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Penggunaan aplikasi atau media sosial yang berbeza juga boleh membentuk identiti diri yang berbeza dan pelbagai. Penulis blog dan pengguna *Instagram* mempunyai kepuasan dan kemahiran berkomunikasi yang berbeza namun mereka ada satu minat yang sama iaitu berkongsi maklumat atau rutin harian mereka. Apabila wujud perkaitan daripada maklumat yang sama ini akan mendatangkan rasa ada wujud hubungan antara pengguna media sosial (Villi & Matikainen, 2016).

Selain daripada itu, ada beberapa impak positif media sosial yang dinyatakan dalam kajian Jamiah, Rezal, Aizan dll (2016), antaranya penggunaan media sosial membolehkan mereka berhubung secara langsung dan kerap dengan keluarga yang tinggal berjauhan, berhubung dengan rakan, mengetahui dan memantau perkembangan ahli keluarga, mengetahui perkembangan terkini, mempelajari pelbagai perkara baru, membina dan mengukuhkan jaringan, mendokumentasikan pemikiran, bakat dan minat, menjimatkan kos untuk berhubung serta menambah pendapatan melalui perniagaan. Oleh itu, dapat kita lihat media sosial bukan sahaja dapat memberi maklumat yang diperlukan oleh pengguna malah ia juga alat perhubungan dalam kehidupan seharian.

## **KAEDAH KAJIAN**

Pengkaji memilih *Instagram* sebagai medium utama kerana *Instagram* mempunyai bilangan pangkalan pengguna aktif yang lebih rendah berbanding *Facebook* iaitu sebanyak satu bilion pengguna namun platform media sosial itu merekodkan pertumbuhan pengguna yang lebih cepat. *Instagram* berkembang 4.4 peratus atau 38 juta pengguna aktif pada tiga bulan terakhir 2018.

Selain daripada itu daripada 148 responden iaitu pelajar semester 6 dan 7 Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan As-sunnah dengan Komunikasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, majoriti pelajar mempunyai *Instagram* berbanding *Facebook*, dari 148 orang pelajar 147 pelajar mempunyai akaun *Instagram*.

## **ANALISIS KAJIAN**

Berdasarkan tinjauan di *Instagram* sebanyak 14.5 ribu status berserta *#christchurchshooting* dan 10.1 ribu *#christchurchmousqueshooting* boleh dilihat melalui carian tanda pagar di *Instagram*. Dalam tempoh seminggu tragedi tak putus-putus perkongsian status mengenai tragedi ini di media sosial. Selain itu maklum balas dari responden yang ditemubual secara rawak mendapati 101 orang pelajar merasakan media sosial membawa pengaruh yang positif dari aspek perkongsian maklumat yang bersifat kenegaraan dan kemanusiaan.

Video-video yang dikongsi di *Instagram* mendapat tontonan sehingga 328,122 jumlah tontotan dan komen sehingga 3000 untuk setiap video yang dimuatnaik. Antara video-video yang mendapat tontotan dan komen yang tinggi ialah perkongsian dari Perdana Menteri New Zealand sendiri iaitu Jacinda Ardern pada hari kejadian, ucapan beliau di dalam parlimen, pelukan dan tangisan beliau bersama keluarga mangsa. Ini menunjukkan rasa dan emosi yang dikongsi turut mendapat perhatian masyarakat dunia.

Selain daripada itu, perkongsian yang bersifat kemasyarakatan dan kemanusiaan juga sering mendapat perhatian di Malaysia. Bukan sahaja melalui perkongsian di media sosial namun penglibatan masyarakat dan media di Malaysia turut dapat dilihat melalui sumbangan-sumbangan yang sentiasa disalurkan kepada media dan selebriti yang sering terlibat dengan misi-misi kemanusiaan. Sebagai contoh, dana-dana dan sumbangan yang disalurkan kepada Palestin dan Syiria sentiasa berterusan dan maklumat-maklumat lebih pantas dan terkini dapat dikongsi di media sosial.

Antara selebriti yang sering menyertai misi-misi kemanusiaan ini ialah Mizz Nina (@officialmizznina) dan Nurheliza Helmi (@nurhelizahelmi). *Instagram* Mizz Nina dari sejumlah 3,540 *post* (hantaran), hampir 60% adalah bersifat kemanusiaan dan misi-misi yang diikutinya. Begitu juga Heliza Helmi, 10.1 jumlah *post* (hantaran), hampir 70% adalah perkongsiannya berkenaan dakwah dan misi kemanusiaan. Malah kejadian terkini yang berlaku kepada suami Norhayati Hamzah (@yatthamzah\_suci) apabila suaminya ditahan daripada keluar dari Gaza, turut dikongsi maklumat yang terkini melalui media sosial, Yatt meminta rakyat Malaysia mendoakan suaminya, *post* (hantaran) beliau mendapat sehingga 10,000 *like* daripada pengguna *Instagram*.

Dalam bulan Julai juga, selebriti ini ada berkongsi poster yang bertulis *#SHAMEONISRAEL*, tanda pagar ini sahaja mempunyai 5000 *post* (hantaran) dan mendapat sehingga 200 ribu *like* bagi setiap *post* (hantaran) yang dikongsi oleh selebriti dan masyarakat di Malaysia. Dapat dilihat di sini penglibatan yang aktif oleh masyarakat yang menggunakan *Instagram* sebagai medium berkongsi dan menyokong misi-misi kemanusiaan. Bukan sahaja melibatkan isu-isu dalam negara malah perkongsian trajedi dari luar negara juga akan mendapat perhatian pengguna media sosial.

## **KESIMPULAN**

Media sosial kini berkembang dengan pesat kerana ia lebih mudah, cepat dan jimat berbanding media utama Seorang pengguna media sosial boleh mengakses menggunakan media sosial iaitu rangkaian internet. Jika dalam kehidupan seharian kita tidak boleh menyampaikan pendapat secara terbuka kerana satu dan lain hal, maka pilihan alternatif yang

akan digunakan adalah media sosial. Pengguna media sosial boleh menulis apa saja yang mereka mahu dan ia tidak memberi kesan kepada pengguna lain dan apa yang ditulis oleh pengguna lain. Ini bererti komunikasi terjalin melalui dua arah. Komunikasi ini kemudian mencipta komuniti dengan cepat kerana adanya minat yang sama mengenai sesuatu perkara.

Bagi kebanyakan pengguna tegar media sosial, masa penggunaan boleh mencecah sehingga 12 jam sehari. Keadaan ini tentu merunsingkan ramai pihak seperti ibu bapa, suami, isteri dan majikan. Pada pandangan mereka, produktiviti kerja pasti menurun kerana banyak masa terbuang di media sosial yang dianggap tidak berfaedah. Namun bagi pengguna media sosial, masa tersebut tidak sia-sia kerana mereka mendapat banyak manfaat daripada interaksi di alam siber. Antaranya maklumat dan gosip, selain pelbagai permainan interaktif yang mengasyikkan. Selain itu terdapat pelbagai bidang yang memerlukan maklumat dan interaksi melalui media sosial sebagai salah satu medium kerja dan pembelajaran. Media sosial juga digunakan oleh pelbagai pihak termasuk Kerajaan Malaysia untuk menyampaikan khidmat berguna dengan kos yang amat murah. Media sosial boleh juga digunakan untuk berdakwah dan menyampaikan maklumat yang berfaedah. Ketika bencana alam seperti banjir besar melanda, media sosial memainkan peranan sebagai penghubung penyelamat dengan mangsa (Ahmad Zaki, 2015).

Dapat disimpulkan di sini baik dan buruk penggunaan media sosial adalah bergantung kepada pengguna itu sendiri. Apakah sebab utama media sosial itu dibuat dan kandungan perkongsiannya. Setiap individu yang berbeza mempunyai sudut pandangan dan pemikiran yang berbeza, malah setiap apa yang dikongsi dalam media sosial boleh dinilai oleh pengguna media sosial yang lain. Pengguna perlu menjaga tingkah laku, adab dan lisan dengan setiap perkongsian yang dilakukan.

## **Rujukan**

- Ahmad Zaki A. Bakar. (2018). <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/media-sosial-pengaruhi-gaya-hidup-rakyat-malaysia>. Diakses pada 3 Julai 2019.
- Effing. R., Jos.V.H. & Huibers.T.W.C. (2013). *Social Media Participation and Local Politics: A Case Study of the Enschede Council in the Netherlands*. University of Twente, School of Management and Governance, The Netherlands.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi1, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen, Nor Jana Saim. (2016) . *Penggunaan Media Sosial dan impaknya kepada Generasi Z*. International Conference On Social And Economic Development (Icsed). Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohd Hamdan Hj.Adnan. (2017) . *Perlakuan Pengguna Penjawat Awam Sabah Dan Penggunaan Internet*. Jurnal Komunikasi Borneo. vol 5 <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/positif-negatifnya-media-sosial-1.169390> . Diakses pada 22 Julai 2019.
- Villi.M. & Matikainen.J.(2016). Participation in Social Media: *Studying Explicit and Implicit Forms of Participation in Communicative Social Networks*. Media and Communication (ISSN: 2183-2439) 2016, Volume 4, Issue 4, Pages 109-117. <https://wearesocial.com/blog/2019/01/digital-2019-global-internet-use-accelerates>. Diakses pada 2 Julai 2019.
- [https://Tips For More Impact From Social Media Participation\\_files](https://Tips For More Impact From Social Media Participation_files). Diakses pada 20 Jun 2019.